Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 Pindaan daripada Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 (Penggal 143) (Pindaan 1984)	**01hb Januari 2017**
Peraturan - Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan) , 2018 - Kesalahan Kompaun	**01hb Januari 2017** Dilaksanakan sepenuhnya bermula 1hb Ogos 2021
The Town and Country Planning Regulations 1: Control of Subdivision and Consolidation of Land	**12hb May 1973**
The Town and Country Planning Regulations 2: Miscellaneous Provisions	**25hb Mei 1974**
The Town and Country Planning Regulations 3: Development and Use of Land and Buildings	**25hb Mei 1974**

Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 Pindaan daripada Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 (Penggal 143) (Pindaan 1984)	**01hb Januari 2017**

Akta Perancangan Bandar dan Desa Penggal 248 adalah suatu akta bagi mengawal selia perancangan bandar dan desa di Negara Brunei Darussalam. Ianya menyediakan kerangka undang-undang untuk mentadbir, mengawal serta menguatkuasakan tugas-tugas perancangan bandar dan desa.

Akta ini adalah hasil kajian semula Akta Perancangan Bandar dan Desa 1972 (Penggal 143), di mana beberapa bahagian dan bab yang terkandung di dalam Akta baru ini antara lain bertujuan untuk memantapkan lagi dua fungsi utama jabatan, iaitu perancangan bandar dan desa khusus di dalam penyediaan pelan-pelan pembangunan (development plans) dan juga kawalan kemajuan serta penguatkuasaan.

Akta ini telah mula dikuatkuasakan pada 01hb Januari 2017 dan mengandungi 06 Bahagian dan 64 Bab keseluruhannya.

Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
Peraturan - Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan) , 2018 - Kesalahan Kompaun	**01hb Januari 2017** Dilaksanakan sepenuhnya bermula 1hb Ogos 2021

Kompaun adalah satu peruntukan (provision) yang terdapat di dalam Seksyen 58, Akta Perancang Bandar dan Desa,Penggal 248;

Seksyen58 (1):"Autoriti Perancang boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah yang tidak melebihi $500.00"

Peraturan - Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan) , 2018 - Kesalahan Kompaun ini akan mula dilaksanakan bermula 1hb Ogos 2021.

Jenis-jenis kegiatan yang melanggar seksyen 23 yang boleh dikenakan kompaun adalah meliputi kegiatan yang mengubah penggunaan mana-mana kawasan bangunan atau tanah tanpa Kebenaran Perancangan (KP).

Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
The Town and Country Planning Regulations 1: Control of Subdivision and Consolidation of Land	**12hb May 1973**

Antara peraturan yang terdapat di dalam peraturan ini adalah;

Bab 3 (1) di dalam Peraturan ini menerangkan jenis-jenis dokumen dan pelan yang dikehendaki untuk dihadapkan ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi kesemua permohonan pemecahan dan / atau pencantuman tanah di Negara Brunei Darussalam.

Jumlah Yuran pembayaran bagi kesemua permohonan pemecahan dan / atau pencantuman tanah di Negara Brunei Darussalam boleh di dapati di Jadual 1 di dalam peraturan ini.

Garispanduan dan piawaian bagi memecah dan / atau mencantum tanah di Negara Brunei Darussalam boleh di dapati di Jadual 2 di dalam Peraturan ini.

Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
The Town and Country Planning Regulations 2: Miscellaneous Provisions	**25hb Mei 1974**

Antara peraturan yang terdapat di dalam peraturan ini adalah;

Bab 4 (1) di dalam peraturan ini membolehkan mana-mana individu yang telah diarahkan melalui Peraturan ini untuk memasuki mana-mana tanah di Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pemeriksaan, penyelidikan dan apa jua tugasan yang diarahkan oleh Perintah Perancangan Bandar dan Desa.

Bab 5 (1) di dalam Peraturan ini membolehkan mana-mana individu yang telah diarahkan melalui peraturan ini untuk mendapatkan maklumat tanah dari pemilik tanah atau yang mendiami sesuatu bangunan atau tanah bagi tujuan penyediaan pelan perancangan atau skim kemajuan.

Maklumat Akta dan Peraturan PBD

PERINTAH & PERATURAN YANG TERDAPAT DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Akta & Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa
The Town and Country Planning Regulations 3: Development and Use of Land and Buildings	**25hb Mei 1974**

Antara peraturan yang terdapat di dalam peraturan ini adalah;

Makna Garis bangunan (building lines) iaitu jarak minima di antara bangunan atau cadangan bangunan dengan sempadan tanah dan di antara sebuah bangunan atau cadangan bangunan dengan bangunan bangunan lain diterangkan di dalam Bab 2 di dalam peraturan ini.

Bab 3 di dalam peraturan ini menerangkan bahawa mana-mana kemajuan di Negara Brunei Darussalam hendaklah mendapatkan Kebenaran dari Pihak yang berkuasa terlebih dahulu. Kemajuan yang dimaksudkan adalah termasuk membangun, menambah, mengubah atau meroboh sesuatu kemajuan serta mengubah penggunaan bagi mana-mana bangunan atau tanah.

Bab 4 (1) di dalam Peraturan ini menerangkan jenis-jenis dokumen dan pelan yang dikehendaki untuk dihadapkan ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi permohonan mendapatkan Kebenaran Perancangan (KP).